

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT DI PERPUSTAKAAN AKADEMIK; SATU TINJAUAN KAEDAH DAN PENCAPAIAN

CHE NORMA binti BAHRI
Pustakawan Kanan/Ketua
Bahagian Rujukan & Maklumat,
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang
cnorma@notes.usm.my

ABSTRACT

This paper will raise more questions than provide solutions to the pertinent issue of information literacy in public universities in Malaysia. Reader/user education and library instruction programmes have been and still are the mainstay in academic libraries that serve these universities. The need for information literacy, the inevitable outcome of the ‘information society’ and now the ‘knowledge society’ continues to be debated and discussed by librarians and educators around the world, including Malaysia. The role of information literacy in higher education is entrenched in the philosophy of education itself – to develop the potential of individuals intellectually, among other aspirations. An overview of the reader/user education and information literacy programmes of several public university libraries (of UM, UKM, UPM, UIAM, UiTM, UUM, USM, etc.) will be presented to gauge what activities are run and how they are run, including coverage/curriculum and the use of information technology, their targeted audiences, and their objectives. Then there is the need for evaluation to enable librarians to rise to the challenges of planning and executing strategies for more effective information literacy programmes.

PENGENALAN

Idea dan konsep literasi maklumat telah mula muncul dalam tahun ‘70an, seiiring dengan teknologi maklumat dan kini merupakan literasi yang kritikal dan penting dalam kehidupan masyarakat abad ke-21 (Bruce, 2002). Walaupun wujud beberapa variasi konsep yang diguna dan dibincang, namun pada amnya takrifan Association of College & Research Libraries (ACRL, 2000) bahawa literasi maklumat merangkumi ‘kebolehan mengenalpasti keperluan maklumat dan keupayaan mengesan, menilai dan menggunakan secara berkesan maklumat yang diperlukan itu’ digunakan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan.

Tinjauan penulisan yang bercambah mengenai literasi maklumat boleh dilihat dari artikel oleh Virkus (2003) mengenai topik ini bukan hanya di Eropah, malah mengimbau perkembangan di Amerika Syarikat dan Australia. Bruce dan Candy (2000) pula memaparkan senario literasi maklumat yang lebih global, termasuk di Asia. Di peringkat antarabangsa, perbincangan mengenai literasi maklumat berpanjangan dan terkini Deklarasi Prague 2003 “*Towards an information literate society*” mencadangkan beberapa prinsip asas, antaranya:

“Information Literacy encompasses knowledge of one’s information concerns and needs, and the ability to identify, locate, evaluate, organize and effectively create, use and communicate information to address issues or problems at hand; it is a prerequisite for participating effectively in the Information Society, and is part of the basic human right of life long learning”.

“Information Literacy should be an integral part of Education of All, which can contribute critically to the achievement of the United Nations Millennium Development Goals, and respect for the Universal Declaration of Human Rights”.

TAKRIFAN, PIAWAIAN DAN AMALAN TERBAIK

Apakah literasi maklumat? Berbezakah dengan kemahiran maklumat? Bagaimana pula dengan kemahiran perpustakaan atau penyelidikan perpustakaan? Dan apakah makna literasi maklumat kepada sesebuah perpustakaan/institusi itu? Malah dalam kajiselidik 2001 (*National Information Literacy Survey*) oleh ACRL dan American Association of Higher Education (AAHE) mendapati bahawa banyak institusi di Amerika Syarikat tidak menggunakan istilah ‘*information literacy*’ tetapi menggunakan istilah lain untuk konsep yang sama; yang mengandungi prinsip asas yang sama seperti memberi fokus kepada pencarian maklumat, capaian kepada maklumat, dan penilaian maklumat.

Malah di negara kita juga, penggunaan istilah ‘literasi maklumat’ tidak diguna seluasnya. Dalam tinjauan program literasi maklumat oleh Mohd Sharif & Zainab (2002), mereka dapat bahawa beberapa pustakawan merasakan bahawa program yang mereka jalankan di institusi mereka tidak layak di label sebagai program ‘literasi maklumat’. Penggunaan istilah ‘lama’ dalam aktiviti pendidikan pengguna/pembaca (*reader/user education*), seperti Tunjuk ajar Perpustakaan (*Library instruction*), Tunjuk ajar bibliografi (*Bibliographic instruction*), Kemahiran maklumat (*Information skills*), Kemahiran pencarian maklumat (*Information search skills*), Kemahiran Perpustakaan (*Library skills*), Penyelidikan Perpustakaan (*Library research*) dan Suaikenal Perpustakaan (*Library orientation*) masih dikekalkan.

Piawaian dan ciri amalan terbaik (*best practice*) yang paling disenangi adalah seperti yang diutarakan oleh ACRL (2000). Mengikut *Information Literacy Competency Standards for Higher Education* ini, seorang pelajar celik maklumat (*information literate*) berkebolehan:

- mengenalpasti jenis dan tahap maklumat yang diperlukan,
- mencapai maklumat yang diperlukan dengan cekap dan berkesan,
- menilai maklumat dan sumbernya secara kritikal dan menerap maklumat terpilih ke dalam asas pengetahuan dan sistem nilainya,
- secara persendirian atau sebagai ahli kumpulan mengguna maklumat untuk mencapai matlamat tertentu dan
- memahami isu ekonomi, perundangan dan sosial mengenai penggunaan maklumat serta mencapai dan mengguna maklumat secara sah dan beretika.

Information literacy standards of the Council of Australian University Librarians (CAUL, 2001) juga telah diformulasikan berdasarkan piawaian ACRL. Sokongan kepada cadangan IFLA untuk *International Information Literacy Certificate* yang dijangka dapat meningkatkan kesahihan program literasi maklumat amat menggalakkan untuk negara maju tetapi Chan (2003) mengutarakan penglibatan UNESCO dalam projek ini supaya kerajaan negara Afrika dan Asia termasuk Malaysia lebih peka kepada isu berkenaan.

LITERASI MAKLUMAT DAN PENDIDIKAN TINGGI

Literasi maklumat pada dasarnya memerlukan seseorang itu menilai maklumat untuk menambah ilmu. Secara tersirat, peranan literasi maklumat dalam pendidikan di Malaysia termaktub dalam falsafah pendidikan negara iaitu “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”. Usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu boleh dikaitkan dengan pembelajaran seumur hidup dan Bundy (2000) berpendapat bahawa literasi maklumat adalah atas pembelajaran seumur hidup.

Bagi mencapai status negara maju melalui Wawasan 2020, Malaysia memerlukan tenaga kerja yang berilmu, cekap, berkelayakan dan berkemahiran pelbagai. Tenaga kerja yang dilahirkan dari institusi pengajian tinggi khasnya perlu mencapai tahap kecemerlangan antarabangsa, seajar dengan keperluan masyarakat bermaklumat. Aspirasi negara untuk pendidikan tinggi terungkap dalam misi dan visi universiti/institusi pengajian tinggi di mana kecemerlangan siswa menjadi teras utama. Sebagai contoh, misi Universiti Sains Malaysia (USM) adalah “Memimpin dan menginovasi untuk mencapai kecemerlangan pada peringkat antarabangsa melalui pemajuan dan penyebaran ilmu dan kebenaran; pemupukan kualiti-kualiti yang menekankan kepada kecemerlangan akademik dan profesional; perkembangan individu yang menyeluruh dan komitmen yang kukuh terhadap aspirasi masyarakat, aspirasi negara dan aspirasi universal”.

Perpustakaan akademik masakini memainkan peranan penyokong kepada universiti/institusi berkenaan dan ini jelas dari pernyataan misi, contohnya, bagi Perpustakaan USM adalah “Menjadi sebuah Perpustakaan akademik yang mempunyai sumber bernilai dan memberi perkhidmatan yang berkualiti untuk menyokong USM sebagai pusat kecemerlangan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan yang dapat menyumbang ke arah kemajuan ilmu”. Namun dengan kemunculan konsep literasi maklumat secara lebih jelas dan universal, sebuah Perpustakaan akademik boleh memainkan peranan yang lebih penting di barisan hadapan bersama jabatan-jabatan akademik untuk menyumbang ke arah kecemerlangan siswa.

Literasi maklumat dalam konteks pendidikan tinggi telah diimbas oleh Owusu-Ansah (2003a, 2003b) dan beliau mengajak supaya perpustakaan akademik menjadi tumpuan penyelesaian menyeluruh dalam menangani isu pembekalan kemahiran literasi maklumat kepada setiap pelajar. Isu literasi maklumat di institusi pengajian tinggi atau universiti awam di Malaysia masih ‘baru’ menjadi topik perbincangan dan kajian walaupun perpustakaan akademik telah lama mengamalkan perkhidmatan pendidikan pembaca/pengguna yang menjadi asas literasi maklumat. Pendek kata perpustakaan akademik, khususnya di universiti awam telah pun menyampaikan pengajaran dalam aspek literasi maklumat dan menjalankan program literasi maklumat dalam pelbagai cara/kaedah sejak tahun ‘70an lagi.

LITERASI MAKLUMAT DAN PERPUSTAKAAN AKADEMIK

Aktiviti-aktiviti pendidikan pengguna dan literasi maklumat di beberapa universiti /institusi pengajian tinggi/perpustakaan akademik tempatan telah dibincang antara lain di Seminar Kebangsaan Perpustakaan di Malaysia yang pertama oleh Juhana Salim (2000), dan Rashidah Begum & Che Norma (2000). Mohd Sharif & Zainab (2002) dalam pembentangan kertas kerja mereka di 68th IFLA Council & General Conference, Glasgow, dan Maimunah & Mohd Sharif (2003) di CONSAL XII, Brunei Darussalam, telah membuat tinjauan program literasi maklumat di beberapa universiti awam di Malaysia.

Sememang menjadi tradisi Perpustakaan akademik untuk menjalankan program orientasi/suaikenal untuk semua pelajar baru untuk pengetahuan tentang penempatan koleksi Perpustakaan dan perkhidmatannya. Ini supaya koleksi dan perkhidmatan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Tunjuk ajar Perpustakaan (*Library instruction*) pula telah dijalankan supaya pelajar mendapat pengetahuan bagaimana menggunakan Perpustakaan dan sumbernya secara berkesan. Tunjuk ajar bibliografi (*Bibliographic instruction*) melatih pelajar cara mengesan bahan maklumat dari katalog Perpustakaan dan cara mengesan maklumat dari sumber-sumber lain termasuk abstrak dan indeks dan terkini pula, pangkalan data secara talian. Semua program pendidikan pengguna ini pada dasarnya berkenaan pencapaian kepada sumber maklumat dan penggunaannya.

Literasi maklumat adalah lebih dari bagaimana menggunakan perpustakaan secara berkesan, dan juga lebih dari mengenai bagaimana mencapai maklumat dan menggunakan maklumat. Literasi maklumat adalah kesan/hasil Internet. Dengan percambahan maklumat elektronik disebabkan Internet, literasi atau kemampuan menilai maklumat yang dicapai amat diperlukan. Literasi maklumat dan pendidikan pengguna perlu seiring supaya Perpustakaan akademik lebih menonjol dalam peranan menyumbang ke arah kecemerlangan siswa.

Persoalan timbul apakah Perpustakaan akademik mahu memainkan peranan ‘pendidik’ yang lebih aktif dan formal? Pustakawan telah lama memainkan peranan ‘pendidik’ di meja rujukan/penasihat pembaca, dan dalam sesi latihan terancang seperti tunjuk ajar bibliografi dan tunjuk ajar Perpustakaan dalam program pendidikan pengguna. Apa pun

peranan membangun dan mengembang kemahiran/kompetensi pelajar berkaitan maklumat adalah tanggungjawab pustakawan dan Perpustakaan.

TINJAUAN PROGRAM LITERASI MAKLUMAT MASAKINI

Satu tinjauan mengenai program literasi maklumat atau aktiviti pendidikan pengguna yang menyumbang kepada program literasi maklumat di tujuh buah universiti awam telah dijalankan untuk membuat taksiran/penilaian apakah aktiviti yang dijalankan, kaedah/metodologi atau bagaimana dijalankan termasuk kurikulum/kandungan yang diliputi serta penggunaan teknologi maklumat, khalayak sasaran dan objektif/matlamat program.

Mohd Sharif & Zainab (2002), dan Maimunah & Mohd Sharif (2003), telah membuat tinjauan program literasi maklumat di beberapa universiti awam di Malaysia, khasnya di Lembah Kelang. Setelah mendapat kebenaran, saya menggunakan maklumat asas ini untuk memohon maklumat yang kemaskini (jika ada) dari institusi-institusi berkenaan. Jadual 1 – 5 menunjukkan Program Literasi Maklumat di Universiti Malaya (Jadual 1), Universiti Kebangsaan Malaysia (Jadual 2), Universiti Putra Malaysia (Jadual 3), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Jadual 4), dan Universiti Teknologi MARA (Jadual 5). Sebagai tambahan saya memohon maklumat mengenai program yang terdapat di Universiti Utara Malaysia (Jadual 6) dan menambah maklumat dari Universiti Sains Malaysia (Jadual 7).

Pada keseluruhannya terdapat beberapa kaedah pengajaran literasi maklumat dan pendidikan pengguna iaitu sebagai kursus wajib, sesi latihan penyertaan secara sukarela, dan sesi latihan dalam subjek/kursus terjadual atau atas permintaan. Kandungan tipikal termasuk bagaimana, di mana dan apa yang hendak di capai/akses. Nyata penggunaan teknologi maklumat dalam sesi pengajaran literasi maklumat adalah ketara memandangkan bahawa banyak sesi latihan dijalankan secara “hands on”. Ini sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat amnya dan pembangunan koleksi digital Perpustakaan khasnya.

Universiti Malaya (Jadual 1)

Universiti Malaya adalah yang pertama mewajibkan kursus formal kemahiran maklumat kepada semua pelajarnya. Sejak tahun akademik 1998/99, pelajar baru ijazah pertama perlu mendaftar untuk Kursus Kemahiran Maklumat (GXEX 1401), kursus wajib universiti satu kredit. Kursus dijalankan 1 jam setiap minggu untuk 15 minggu. Pelajar dari fakulti sastera dan sains social mengikuti kursus ini pada semester pertama manakala pelajar sains dan teknologi pada semester kedua. Chan (2003) telah membentang kertas kerjanya di 69th IFLA General Conference & Council yang membincangkan pengalaman Universiti Malaya dalam menjalankan kursus wajib ini. Nyata tidak mudah mengurus kursus wajib untuk 6,000 pelajar dan pihak Perpustakaan sentiasa mengkaji kandungan kursus serta kaedah penyampaian.

Program lanjutan kemahiran maklumat juga ditawarkan kepada pelajar tahun akhir dan pelajar siswazah. Selain kemahiran OPAC, pelajar diajar strategi pencarian dan mendapat kembali maklumat supaya boleh mengakses maklumat dari sumber bercetak

dan elektronik seperti CD-ROM dan pangkalan data secara talian dan juga menilai maklumat dari sumber-sumber ini.

Dari maklumat di laman web berkenaan, selain kursus wajib dan program lanjutan, program orientasi perpustakaan dijalankan di awal setiap semestar baru dimana pelajar di maklumkan tentang perkhidmatan dan kemudahannya yang ditawarkan oleh Perpustakaan serta juga peraturan penggunaan. Ini diikuti lawatan ke Perpustakaan.

Universiti Kebangsaan Malaysia (Jadual 2)

UKM menawarkan 4 modul kemahiran Perpustakaan dan maklumat, selain program dengan fakulti dan ko-kurikulum. Kesemua dijalankan secara ‘hands-on’ dan antara objektif program adalah sebagai pembelajaran seumur hidup.

Universiti Putra Malaysia (Jadual 3)

Selain menjalankan orientasi Perpustakaan dan sesi latihan OPAC kepada pelajar baru, UPM juga menawarkan program literasi maklumat secara berterusan tetapi pelajar perlu menempah dalam kumpulan 10 orang atau lebih. Sesi 2 jam ini meliputi strategi pencarian maklumat, OPAC, Internet, CD-ROM dan pangkalan data.

Literasi maklumat EDU 3014 adalah kursus kredit yang opsyenal yang ditawarkan kepada pelajar ijazah pertama dan diploma. Objektif program ini supaya pelajar memahami nilai dan keperluan maklumat, mengenali pelbagai sumber maklumat dan memperolehi kemahiran mencapai maklumat untuk pembelajaran seumur hidup.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Jadual 4)

UIAM menawarkan latihan kemahiran Perpustakaan di tahap asas dan lanjutan, juga lawatan/orientasi Perpustakaan, OPAC dan Internet. Maklumat lanjut yang didapati dari laman web menerangkan bahawa kursus pendidikan pengguna dan literasi maklumat (dalam lapan modul) adalah usaha untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti dan memberi maklumat terkini Perpustakaan untuk membantu pengguna membuat penyelidikan dan pencarian maklumat.

Objektif kursus-kursus adalah untuk memperkenalkan perkhidmatan, koleksi dan kemudahan Perpustakaan, mengajar bagaimana membuat penyelidikan, membolehkan pengguna mengenalpasti dan mencapai maklumat dalam pelbagai bentuk, mengajar pengguna strategi pencarian maklumat dan mewujudkan kebudayaan pembelajaran seumur hidup di kalangan pengguna.

Universiti Teknologi MARA (Jadual 5)

UiTM juga memberi orientasi atau suaikenal Perpustakaan. Atas permintaan, pelajar dan staf boleh memohon latihan yang diperlukan seperti penggunaan sumber secara talian, CD-ROM, gaya petikan, dan lain-lain. Selain ini empat fakulti menawarkan kursus kemahiran maklumat kepada pelajar tahun pertama.

Kaedah adalah ceramah/syarahan dan ‘hands-on’ sementara objektif adalah untuk membiasakan pelajar dengan koleksi dan perkhidmatan Perpustakaan serta cekap membuat pencarian maklumat.

Universiti Utara Malaysia (Jadual 6)

UUM menawarkan orientasi Perpustakaan kepada pelajar baru dan bengkel-bengkel kemahiran maklumat dan metodologi penyelidikan. Orientasi adalah wajib untuk pelajar baru sementara bengkel adalah opsyenal. Jika objektif orientasi adalah untuk pengenalan Perpustakaan, bengkel pula untuk pencarian maklumat kepada pengguna.

Universiti Sains Malaysia (Jadual 7)

Rancangan Pendidikan Pengguna Perpustakaan USM merangkumi program orientasi atau pengenalan kepada Perpustakaan dan program orientasi penggunaan OPAC. Bengkel Kemahiran Literasi Maklumat terjadual setiap hari Isnin- Jumaat (2 jam) dan atas permintaanBengkel Kemahiran Pencarian Maklumat adalah berasas subjek dan “course integrated” atas permintaan pensyarah. Sejak beberapa tahun lepas Perpustakaan menjalankan bengkel untuk Pusat Pengajian Sains Farmasi, Kajihayat, Sains Komputer dan lain lagi. Sesi Latihan Kemahiran Maklumat dijalankan semasa kolokium beberapa pusat pengajian setiap tahun. Bengkel 4 jam penyelidikan Perpustakaan untuk Rancangan Latihan Kakitangan Akademik juga dijalankan setiap tahun.

Dari penilaian yang dibuat, maklumbalas mengapa bengkel adalah perlu amat positif dengan contoh kenyataan seperti “Sebagai lampu di waktu malam kepada pencari maklumat”, “Banyak maklumat baru dan berguna untuk *research* saya” dan “Penting untuk melakukan penyelidikan dan cara yang betul untuk menggunakan Perpustakaan”.

Perpustakaan USM telah menyediakan kertas cadangan kepada Jawatankuasa Perancangan Akademik supaya Kursus Kemahiran Literasi Maklumat menjadi kursus wajib Universiti tetapi masih perlu dikajisemula dan penitian yang saksama sebelum pembentangan.

PENUTUP DAN CADANGAN

Penilaian program nyata penting untuk mendapat maklumbalas keberkesanan program disamping untuk perancangan masa depan. Apakah langkah atau strategi seterusnya boleh diatur selepas penilaian saksama program yang dijalankan. Penilaian setiap program perlu dari sudut pelajar/peserta, pustakawan/pengajar dan pensyarah jika terlibat. Dalam menilai pencapaian program literasi maklumat penelitian beberapa ciri amalan terbaik seperti kenyataan misi, matlamat dan objektif, perancangan, bantuan pengurusan, kurikulum terancang, kerjasama antara pustakawan dan fakulti, pedagogi, penyebaran maklumat atau promosi perlu diambilkira.

Untuk kejayaan program literasi maklumat secara menyeluruh, seperti yang dicadangkan Maimunah dan Mohd Sharif (2003):

- setiap Perpustakaan perlu membuat penilaian berterusan dan mendokumentasikan amalan terbaik,

- Jawatankuasa Literasi Maklumat diperingkat kebangsaan yang terdiri dari pustakawan, pendidik untuk mencipta/menyata dasar perlu ditubuhkan,
- reka bentuk kurikulum dsb, serta penyokongan literasi maklumat perlu menjadi agenda utama persatuan Perpustakaan
- kerjasama dalam menangani isu literasi maklumat perlu diwujudkan di peringkat wilayah dan global.

Selain ini pustakawan perlu menjadi pejuang dan pembela program literasi maklumat khasnya di peringkat pendidikan tinggi di mana kecemerlangan ilmu adalah misi utama. Apakah pencapaian Perpustakaan akademik dalam aspek literasi maklumat sejak Seminar Kebangsaan Perpustakaan di Malaysia yang Pertama pada tahun 2000? Seperti yang dibentangkan di sini, beberapa tindakan telah pun diambil tetapi masih banyak lagi yang boleh diambil untuk mencapai kecemerlangan ilmu di universiti awam.

RUJUKAN

Association of College and Research Libraries. (2000). Information literacy competency standards for higher education. [<http://www.ala.org/acrl/ilcomstan.html>]

Bruce, C. S. (2002) Information literacy as a catalyst for educational change: a background paper. White paper prepared for Unesco, the US National Commission on Libraries and Information Science, and the National Forum on Information Literacy, for use at the Information Literacy Meeting of Experts, Prague, the Czech Republic. [<http://www.nclis.gov/libinter/infolitconf&meet/papers/bruce-fullpaper.pdf>]

Bundy, A. (2000). Information literacy: the foundation of lifelong learning. Kertas kerja dibentangkan di Lifelong Learning Annual Conference of the South Australian Association of School Parents Clubs, 15-16 Ogos 2000.

Chan Sai Noi (2003). Making information literacy a compulsory subject for undergraduates: the experience of the University of Malaya. Kertas kerja dibentangkan di World Library and Information Congress: 69th IFLA General Conference and Council, 1-9 August 2003, Berlin.

Council of Australian University Librarians (2001). Information Literacy Standards. [http://ilp.anu.edu.au/Infolit_standards_2001.html]

Juhana Salim (2000). Program literasi Maklumat di institusi pengajian tinggi dalam era digital. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Perpustakaan di Malaysia: Anjakan Paradigma, 23-24 Ogos 2000, Kuala Lumpur.

[Kertas-kertaskerja Seminar Literasi Maklumat: Cabaran Dalam Pembangunan dan Penggunaan Kandungan Digital yang berlangsung pada 6 Ogos 2001 di Kuala Lumpur]. (2001: Kuala Lumpur).

Mohd Sharif Mohd Saad & A. N. Zainab (2002). Information literacy programmes in Malaysian public universities: an observation. Kertas kerja dibentangkan di 68th IFLA Council & General Conference, 18-24 Ogos, 2002, Glasgow.

Maimunah Kadir & Mohd Sharif (2003). Developing life long learners through information literacy programmes: a view from academic libraries. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Pustakawan Asia Tenggara/Conference of Southeast Asian Librarians (CONSAL XII), 20-23 Oktober 2003, Brunei Darussalam.

Owusu-Ansah, Edward K. (2003a). Information literacy and higher education: placing the academic library in the center of a comprehensive solution. *Journal of Academic Librarianship* 29 (July 2003)

Owusu-Ansah, Edward K. (2003b). Information literacy and the academic library: a critical look at a concept and the controversies surrounding it. *Journal of Academic Librarianship* 29 (July 2003)

Rashidah Begum & Che Norma Bahri (2000). Keperluan pendidikan pengguna di Perpustakaan IPTA dalam era IT; pengalaman USM. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Perpustakaan di Malaysia: Anjakan Paradigma, 23-24 Ogos 2000, Kuala Lumpur.

Virkus, Sirje (2003). Information literacy in Europe; a literature review. *Information research*, vol 8. no. 4, July 2003.

Jadual 1: Program Literasi Maklumat di Universiti Malaya (UM)

Programme & duration	Target Audience	Methodology	Status	Objectives
<p>1. Compulsory for Undergraduate Since 1998/99 academic year, the Library offered Information Skills Course (GXEX 1401) as one credit hour as university course. It is compulsory for all undergraduates (1hr. per week of a total 15 weeks/).</p> <ul style="list-style-type: none"> - Introduction of Library resources - OPAC searching - Search strategies - Online resources - Evaluation of resources - Citation styles <p>2. Postgraduate Students and Academic Staff Special Information Skills Workshop</p> <ul style="list-style-type: none"> - In depth searching related to subjects and research topics. - Online 	<p>All new Undergraduate (Students are divided into Subject base by semester.</p> <p>Semester 1:- -Social science and humanity Faculties.</p> <p>Semester 2:-Science and technology Faculties.)</p> <p>Postgraduates & academic staff</p>	<p>Lectures, hands-on, Assignments, test and final exam (with workbooks)</p> <p>(100 students per class with 2 facilitators.</p> <p>Lectures and hands-on conducted in the Computer Laboratory with internet facilities (112 PCs)</p> <p>Hand-on and examples are tailored towards the students subjects base</p> <p>Lectures/tutorial and hand-on (per session of 2-3 hours) or individual session</p>	<p>Compulsory for all Undergraduates (ongoing)</p> <p>Weekly program or ad-hoc based on requests</p>	<p>a. To equip students with information retrieval skills to meet their learning and research needs</p> <p>b. Encourage resource based independent learning</p> <p>c. Contributes to the University effort in producing graduates who have ICT skills and are information literate</p> <p>d. Develop independent life learners</p> <p>e. Develop continues education and knowledge society.</p>

resources esp. database subscribed by Library - Evaluation of Resources - Citation styles.				To introduce and equip students or staff with knowledge and skills to use resources relevant to their subjects
--	--	--	--	--

Jadual 2: Program Literasi Maklumat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Programme & duration	Target Audience	Methodology	Status	Objectives
1) Module 1 - Library skills - Library Orientation - Library Tour - OPAC - Online resource (1hr-2 1/2 hr)	New Students (Undergraduates & postgraduates) staff, visitors	Tour and hands-on	Compulsory for students	a) Overview of the library collection and services b) Understand and able to perform information search c) Developing life long learners
2) Module 2 - Information skills workshop - General - OPAC - CD-ROM, Databases, - Internet, Online resources (1 hr each)	New students (Undergraduates & postgraduates) staff	Hands on 5-10 in a group	Optional	
3) Module 3 - Information skills workshop according to field of study. Social Science; Economics & Administration; Science & Technology; Education; Engineering; Islamic studies Law; Medicine. (2 hrs each)	Students & staff	Hands on 10-30 in a group	Offered to faculty	
4) Module 4 - Information skills workshop - on demand library research for undergraduates, post graduates & staff (2 hrs)				
5) Integrated programme with the faculty - a research course carried out at the faculty allocates the library, 2 periods for library research example the (Science & Technology Faculty)	Students & staff	Hands-on 10-30 in a group	Offered to faculty	Able to perform information search
6) Co-curriculum programme - offered 2 courses to be taken by undergraduate students as co-curriculum with 1 credit	Undergraduates and postgraduates	Lectures & hands-on	Compulsory for research courses	a) Understand the functions of libraries and resource centers

<p>hour each.</p> <p>a) Managing resource centers (1 semester, 1 hour per week)</p> <p>b) Bibliographic databases and information skills. (1 semester, 1 hr per week)</p> <p>Note: Faculty of Technology & Information Science offers 'Information skills' course for their students</p>		Lectures, hands-on, assignments, test	Optional for undergraduates	<p>b) Able to search the databases available in the UKM library</p> <p>c) Develop their information skills</p> <p>d) Facilitate database management of the UKM library</p>
--	--	---------------------------------------	-----------------------------	--

Jadual 3: Program Literasi Maklumat di Universiti Putra Malaysia (UPM)

Programme & duration	Target Audience	Methodology	Status	Objectives
<p>1. Orientation</p> <ul style="list-style-type: none"> - OPAC - Online resources 	New Students (Diploma, Undergraduates, Post graduates, Distance Learning & staff)	Lecture, multimedia Presentations	Compulsory for new students	Familiarize with library Collection and Services
<p>2. Information Literacy Programme – On Going</p> <ul style="list-style-type: none"> - Information search strategy - OPAC - CD-ROMS/Current Contents on CD - Online Journals - UPM Databases - Internet (2 hrs. each session) 	Students & Staff	<p>Lecture, Hands-on</p> <p>Students need to book- a group of 10 and above</p>	Optional	<p>a) Train users to be effective information seekers;</p> <p>b) Able to find & evaluate information efficiently and effectively from various sources</p>
<p>3. EDU 3014 - Information Literacy (2 credit hrs. course)</p>	Diploma & Undergraduate	<p>Lecture, hands-on, Assignments, tests, final examination (2 hrs. a week)</p>	Optional as a credit hour	Understand the value of and need for information; identify the various sources of information; acquire skills in retrieving and accessing information for life long education

Jadual 4: Program Literasi Maklumat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Programme & duration	Target Audience	Methodology	Status	Objectives
1. Library skills - Basic	Undergraduates	Tour, Demonstration	Compulsory	Overview of the library

<p>2. Tour; OPAC; Internet (1 hr)</p> <p>3. Library skills - Advance -Online resources; Internet search; -CD-ROM; (2 hrs)</p> <p>4. English for Academic Purposes (Language Centre) -given by the library 2 hrs during their class time for Library Skills -Advance Course</p>	<p>Undergraduate & post graduate</p> <p>English classes</p>	<p>(Not more than 30 to a group)</p> <p>Lecture; Hands-on (Not more than 30 to a group)</p> <p>Lectures; Hands-on (Not more than 30 to a group)</p>	<p>for all undergraduates</p> <p>Optional</p> <p>Compulsory for all students taking English</p>	<p>collection and services</p> <p>Understand and able to perform Information search</p>
--	---	---	---	---

Jadual 5: Program literasi Maklumat di Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Programme & duration	Target Audience	Methodology	Status	Objectives
<p>1. Orientation - Tour - OPAC - Online resources (1-2 hrs)</p> <p>2. Saturday classes - Students & staff can request from the library aspects they need training on, examples, on online resources; CD ROM; citations, etc</p> <p>Note: 4 Faculties offer Information Skills course to their first year students: a. Faculty of Information Studies b. Faculty of Administration and Law c. Faculty of Communication and Media Studies d. Faculty of Office Management & Technology</p>	<p>New students & staff</p> <p>Students & Staff</p>	<p>Lecture, tour</p> <p>Lecture; Hands-on</p>	<p>Compulsory for all new students</p> <p>Optional</p>	<p>To familiarize them with the library collection and services</p> <p>Able to carry out information search</p>

Jadual 6: Program Literasi Maklumat di Universiti Utara Malaysia (UUM)

Programme & duration	Target Audience	Methodology	Status	Objectives
----------------------	-----------------	-------------	--------	------------

1) Library Orientation (i) OPAC (1hr) (ii)OPAC, Online databases, CD-ROM,e-Journals (1hr)	New Students (Undergraduates)	Lectures, take home tests	Compulsory for students	1) Familiarize with Library system 2) Overview of the Library collection & services
2) Informational skills workshop (on going) - OPAC - e-journals - Online databases - In house databases (1 1/2 – 2hrs)	New students (Postgraduates & Distance learning) - Students - Staff	Lectures - Lectures - Hands on	Compulsory for students Optional	1) Able to perform information search 2) Able to search the databases available in the UUM library
3) Research Methodology Workshop	Undergraduates	Lectures	Optional for Research methodology courses	Train users to be effective information seekers

Jadual 7: Program Literasi Maklumat di Universiti Sains Malaysia (USM)

Programme & duration	Target Audience	Methodology	Status	Objectives
1. Library orientation (2 hr.)	All new Undergraduates, Postgraduates & staff	Multimedia presentation of library collection and services, Lectures and Library tour	Compulsory for all new undergraduates	For overview of library collection and services
2. OPAC training (1 hr.)	All new Undergraduates, postgraduates & staff	50 to a class with 1 facilitator, Lectures with limited hands-on	Compulsory	To equip students with OPAC information retrieval skills to meet their learning and research needs
3. Information Literacy Skills Workshops (2 hr.) - Introduction to Library Research - Reference resources: Abstracts and Indexes, Bibliographies, Dictionaries, Encyclopedias, etc. - KRISALIS; USM Library OPAC (Online Public Access Catalogue)	All members of the Library – students, staff, public	20 to a class, Lectures, hands-on	Daily, drop-in Compulsory for postgraduates	To develop independent life long learners

<ul style="list-style-type: none"> - CD-Net: USM Library CD-ROM Database Network) - USM Library Electronic Information Gateway (Virtual Library) - Evaluation of Information resources - Documentation/Citation styles <p>4. Information Search Skills Workshops (Subject based)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Course integrated instruction & Course related instruction (on request from lecturers) 	Undergraduates & Postgraduates	Lectures/hands-on	Compulsory	<p>To equip students with knowledge and skills to access, retrieve, evaluate and use information relevant to their subjects</p>
---	--------------------------------	-------------------	------------	---